

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Kurnia Travel Supreme

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans 'Kurnia Travel Supreme'. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan perlindungan bagi Anda sewaktu Anda melakukan perjalanan ke Luar Negara daripada kejadian yang tidak diduga seperti kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal keseluruhan, perbelanjaan perubatan, elaun hospital, kelewatan bagasi, kelewatan perjalanan, kehilangan wang, pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran balik, kehilangan deposit atau pembatalan/pemendekan perjalanan, lawatan ehsan, isi kandungan rumah, kos tambahan untuk pemulangan kenderaan sewa. Untuk maklumat lanjut, Anda boleh merujuk kepada risalah.

Perlindungan ini boleh dibeli oleh orang perseorangan, keluarga atau kumpulan semasa membuat perjalanan untuk percutian atau urusan perniagaan.

- Untuk membolehkan Anda layak di bawah Polisi ini, Anda mestilah Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap Malaysia atau Pemegang Permit Kerja di Malaysia, atau pemegang pas lawatan sosial jangka panjang, atau pemegang pas pelajar di Malaysia dan tanggungan Anda yang menetap di Malaysia.
- Had umur: sehingga 80 tahun. Di bawah Pelan Keluarga, usia anak mestilah dari 30 hari hingga 18 tahun, atau sehingga 23 tahun sekiranya dia masih menuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
- Sekiranya Anda ialah pelajar yang menuntut di Luar Negara atau pertukaran pekerja sementara di Luar Negara, Anda hanya layak untuk perlindungan "perjalanan sehalu".

### 2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Sila rujuk kepada Jadual Faedah di dalam risalah produk. Anda boleh mengambil insurans ini samada untuk satu perjalanan sahaja atau secara Polisi tahunan.

Satu perjalanan : Tempoh perlindungan bermula dari 1 hari hingga 5 hari, sehingga maksimum 180 hari berturut-turut.

Polisi tahunan : Tiada had perjalanan setiap tahun. Walau bagaimanapun, setiap perjalanan tunggal adalah terhad kepada 100 hari berturut-turut.

Pelanjutan automatik bagi kelewatan perjalanan balik boleh dilanjutkan sekiranya Anda dimasukkan ke hospital atau Anda dikuarantin di Luar Negara seperti disyorkan oleh Pengamal Perubatan atau berlaku kelewatan yang tidak dapat dielak pada sistem Pengangkutan Awam berjadual yang Anda naiki (kecuali kerosakan mekanikal atau struktur pada mana-mana kenderaan darat kecuali keretapi/rel) sehingga 30 hari tanpa premium tambahan.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi.

### 3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang Anda perlu bayar adalah berbeza bergantung pada pelan, kawasan perjalanan dan tempoh perjalanan Anda. Bayaran mestilah secara tunai dan perlu dibayar sebelum perlindungan bermula.

Anda boleh merujuk kepada risalah untuk maklumat terperinci mengenai premium.

**Liberty General Insurance Berhad** 197801007153 (44191-P)

*Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad*

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur, Malaysia.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).



1 800 88 3833



[customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)



[www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

#### 4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang Anda perlu bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Cukai perkhidmatan (diguna pakai untuk perjalanan dari Sabah/Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya)	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	25% daripada premium

#### 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- (i) Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjaminan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Pematuhan syarat-syarat Polisi – kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat Polisi akan menyebabkan semua tuntutan menjadi tidak sah.
- (iii) Anda berhak mendapat satu perlindungan insurans sahaja oleh Syarikat bagi setiap perjalanan.
- (iv) Tempoh Insurans  
Berkenaan dengan semua faedah-faedah lain yang terkandung, insurans ini bermula sebaik sahaja Anda meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan Anda di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk memulakan perjalanan Anda sehingga masa kepulangan Anda ke tempat kediaman atau perniagaan Anda di Malaysia (yang mana terdahulu) setelah selesai perjalanan Anda.  
Di bawah Faedah 9A (Kehilangan Deposit atau Pembatalan) insurans berkuat kuasa sebaik sahaja Polisi/Jadual ini dikeluarkan dan tamat sebaik sahaja bermulanya perjalanan yang dirancang dari tempat kediaman atau perniagaan Anda di Malaysia  
Anda akan dilindungi bagi perjalanan yang bermula apabila Anda meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan Anda di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk perjalanan terus ke destinasi yang ditujui dan akan berakhir apabila Anda kembali ke Malaysia; ia tidak akan bermula lebih daripada 24 jam sebelum jadual waktu pelepasan Anda dan akan tamat apabila berlaku mana-mana perkara berikut:
  - a) 24 jam selepas Anda tiba di Malaysia
  - b) Sebaik sahaja tiba ke tempat kediaman atau perniagaan Anda di Malaysia (yang mana terdahulu)
  - c) Tamat Tempoh Insurans
- (v) Tuntutan – Sekiranya tuntutan dirangkumi dalam perlindungan Polisi:
  - Anda mestilah memaklumkan kepada Kami secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada 31 hari selepas tarikh Kemalangan/kejadian.
  - menyediakan maklumat dan dokumen berkenaan sebagaimana mungkin yang diperlukan oleh Kami atas perbelanjaan Anda.
  - memberikan notis serta-merta secara bertulis kepada pihak polis, syarikat pengangkutan dan pihak berkuasa berkaitan yang lain mengikut keadaan dan dalam kes yang membabitkan syarikat penerbangan, dapatkan Laporan Penyimpangan Harta (Property Irregularity Report) sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan pada bagasi.
  - membuat laporan polis dalam masa 24 jam sekiranya berlaku kehilangan wang dan/atau dokumen perjalanan.
- (vi) Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.
- (vii) Suatu perjalanan hendaklah melibatkan perjalanan balik ke Malaysia dalam Tempoh Insurans.

#### 6. Apakah pengecualian utama di dalam Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Kecederaan atau penyakit yang disengajakan, gila, penyakit kelamin;
- Keadaan pra-wujud;
- Di bawah pengaruh alkohol atau ubat (selain daripada ubat yang diambil mengikut preskripsi rawatan dan diarahkan oleh Pengamal Perubatan);
- Terlibat dalam perlumbaan, pengujian kepantasan, perlumbaan motor rali dan pertandingan, mendaki gunung (yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu), memanjat batu, mendaki atau merentasi kawasan terpencil melainkan ditemani penunjuk arah berlesen, sebarang aktiviti yang melibatkan Orang yang Diinsuranskan berada di udara (sama ada tergantung atau tidak) tidak terhad kepada aktiviti-aktiviti payung terjun, penerokaan lubang atau jurang gua, peluncuran gantung, lompatan bungee, sukan terjun udara, aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan radas pernafasan (kecuali aktiviti menyelam skuba yang dilakukan untuk aktiviti masa lapang), memburu, seni mempertahankan diri, gusti, tinju dan menunggang kuda (kecuali dilakukan untuk aktiviti masa lapang);

- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC);
- Terlibat dalam sukan atau permainan secara profesional atau di mana Anda boleh atau akan menerima pendapatan atau penggajian daripada penglibatan dalam sukan atau permainan tersebut;
- Perjalanan Anda bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh Pengamal Perubatan dan/atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan di Luar Negara;
- Masalah operasi Pengangkutan Awam atau lapangan terbang seperti tetapi tidak terbatas kepada juruterbang cuti sakit atau cuti kecemasan dan tiada juruterbang pengganti, kiraan kehadiran krew kabin tidak mencukupi, kelewatan akibat lebihan muatan bagasi dalam syarikat penerbangan, kelewatan proses daftar masuk atau barisan terlalu panjang di kaunter daftar masuk hingga menyebabkan kelewatan proses pas masuk di bawah faedah Kelewatan Perjalanan.
- Anda membuat apa-apa perjalanan yang bertentangan dengan nasihat perjalanan Kementerian Luar Negeri Malaysia atau Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan dengan kejadian sebenar atau ugutan mogok, rusuhan, atau kekacauan awam, perang atau situasi seperti perang, letusan penyakit (termasuk wabak/pandemik) atau keadaan kesihatan yang tidak selamat, atau bencana alam yang akan berlaku, ke atas negara atau wilayah destinasi Anda, kecuali perjalanan telah dimulakan sebelum penerbitan nasihat perjalanan.
- Sebarang keadaan yang berlaku yang mengakibatkan Anda tidak berupaya atau tidak dapat untuk membuat perjalanan dan keadaan tersebut dimaklumkan kepada Anda atau diketahui oleh Anda atau merupakan pengetahuan umum seperti yang dilaporkan di media pada masa Anda membeli Polisi Anda atau semasa menempah perjalanan Anda (yang mana terkemudian).

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.*

#### **7. Bolehkah saya batalkan Polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?**

Pelan Satu Perjalanan – Anda boleh membatalkan dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Tiada bayaran balik premium akan dibenarkan sebaik sahaja Polisi/Jadual dikeluarkan.

Perjalanan/Polisi Tahunan – Ya, Anda boleh membatalkan Polisi dengan memberi 7 hari notis bertulis kepada Kami dan dalam keadaan demikian Anda berhak mendapat bayaran balik premium ditolak premium pada kadar jangka pendek Kami bagi tempoh Polisi yang telah berkuat kuasa dalam Tempoh Insurans semasa.

#### **8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting bagi Anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat hubungan Anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada waktunya.

#### **9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

##### **Liberty General Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower,  
CT9, Pavilion Damansara Heights,  
3, Jalan Damansara,  
Pusat Bandar Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

Talian Bebas Tol : 1 800 88 3833

Emel : [customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)

Laman Web : [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

#### **10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada**

Sila rujuk kepada laman web kami di [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

#### **NOTA PENTING:**

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 01/03/2024 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.